

# Keputusan akhir manifesto PRU14



**K**eputusan mengejut terhasil dalam analisis akhir manifesto parti-parti politik apabila buat pertama kali sejak BN ditubuhkan, kuasa negara dalam manifesto mereka jatuh di belakang manifesto Pas.

Hal ini terbukti apabila sebahagian komponen kuasa negara yang sebelum ini terpusat (*centralized*) sejak era Almarhum Tun Razak kini telah dikendurkan (*liberalized*). Namun manifesto BN masih mengatasi manifesto Pakatan Harapan.

Empat komponen yang diajukan oleh Fareed Zakaria dalam karya beliau *From Wealth to Power* terbitan Princeton University Press

diguna pakai bagi menilai kuasa negara dalam ketiga-tiga manifesto BN, Pas, dan Harapan.

Keempat-empat komponen 'kuasa negara' dari perspektif *State-centered Realism* yang diajukan Fareed Zakaria ialah autonomi negara (*state autonomy*), skop tanggungjawab negara (*state scope*), keupayaan negara mengekstrak sumber (*state's ability to extract wealth*), dan kesepaduan negara (*state cohesion*).

Kuasa negara yang kuat dicirikan oleh negara yang berautonomi tinggi, memiliki skop tanggungjawab yang luas, berkeinginan (dan mampu) mengekstrak sumber dalam skala besar, dan bersepadu. Negara yang lemah pula dicirikan oleh autonomi yang rendah, memiliki skop tanggungjawab

yang sempit, tidak berkeinginan mengekstrak sumber dalam skala besar, dan tidak bersepadu.

Kesemua empat komponen kuasa negara ini cukup penting dari perspektif geopolitik dan geostrategi jangka panjang di mana Fareed Zakaria mengajukan bahawa 'sesebuah negara hanya mampu untuk meluaskan kepentingan politik mereka ke luar negara apabila terdapat peningkatan relatif kuasa negara mereka'.

Dari segi komponen yang pertama iaitu autonomi negara, dalam halaman 201 manifesto BN mengambil keputusan mengurangkan autonomi negara dengan pendirian 'zaman kerajaan mengetahui dan menentukan segalanya sudah berakhir'.

Halaman ini diterjemah-

kan dengan langkah memperkenalkan mekanisme "Petisyen awam untuk setiap isu mustahak. Mana-mana petisyen atas talian yang menerima lebih 30,000 sokongan akan mendapat maklum balas daripada Kerajaan" (Halaman 202).

Manifesto Harapan juga mengurangkan autonomi negara dengan memperkenalkan campur tangan rakyat dalam pembuatan keputusan melalui pengenalan 'Kertas Hijau'. Pas sebaliknya menawarkan kerajaan teknokrat yang berautonomi bersama-sama eksekutif dalam menjalankan pentadbiran.

Dari segi komponen kedua iaitu kesepaduan negara pula, manifesto BN meneruskan kesepaduan Jabatan Perdana Menteri (JPM). JPM kini menguasai tidak kurang 58 jabatan seperti Unit Perancang Ekonomi (EPU), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Escomm, APM, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), dan sebagainya.

Harapan pula menjanjikan penghapusan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN 2016) yang menjejaskan koordinasi MKN di tangan Eksekutif bagi mencegah

tragedi seperti Lahad Datu 2013 berulang.

Malah Harapan turut berjanji menghapuskan monopoli Petronas di Sabah dan Sarawak dan memberikan kedua-dua negeri terbabit memiliki syarikat minyak dan gas mereka sendiri.

Pas pula mengekalkan kesepaduan negara khususnya MKN dengan tidak menjanjikan penghapusan Akta MKN di samping penubuhan institusi hisbah.

Dari segi komponen ketiga iaitu keupayaan negara mengekstrak sumber, kapasiti negara yang tinggi diutamakan oleh kedua-dua BN dan Pas.

Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) dan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs) terus dijanjikan BN sebagai waha-na penjana sumber negara.

Pas pula menegaskan peranan kerajaan sebagai perancang dan pemantau program ekonomi manakala kuasa ekonomi bertindak sebagai pelaksana, di samping usaha penggantian import (import substitution).

Harapan sebaliknya agak kritikal terhadap GLC dan GLIC serta special purpose vehicles (SPV) dan turut

menjanjikan sistem ekonomi pasaran sosial di samping mengurangkan campur tangan kerajaan dan GLC dalam sektor ekonomi.

Dari sudut 'skop negara' kerajaan yang mengurangkan perbelanjaan awam dinamakan 'minimal state' manakala kerajaan yang meningkatkan perbelanjaan awam seperti negara berkebijakan dinamakan 'maximal state'.

BN dan Pas kedua-duanya menjanjikan Malaysia sebagai 'maximal state', sebaliknya Harapan memilih laluan menjadikan Malaysia sebagai 'minimal state'.

Konklusinya, kedua-dua manifesto BN dan Pas menjanjikan negara kuat dan berkuasa dengan autonomi yang tinggi, pentadbiran yang bersepadu, berkapasiti mengekstrak sumber dalam skala yang besar, serta mempunyai skop yang luas.

Namun manifesto BN sedikit kendur dari segi autonomi negara dan kesepaduan negara. Manifesto Harapan pula kekurangan dalam keempat-empat komponen berkenaan.

\* Penulis ialah Pensyarah Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia